



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6/7)
Takwim : 6 Jamadil Awal 1442H
Tarikh : 21 Disember 2020


YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2020
GARIS PANDUAN PAKAIAN KETUA PENDAKWA SYARIE DAN PENDAKWA
SYARIE DALAM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH, MAHKAMAH TINGGI
SYARIAH DAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-75 Bil. 3 dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahlan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2020 pada 14 hingga 15 Safar 1442H bersamaan 3 hingga 4 Oktober 2020 di Johor Bahru, Johor Darul Takzim yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahlan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Pakaian Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie semasa mengendalikan prosiding di Mahkamah Syariah seperti di lampiran.

2. Lampiran 3 Arahlan Amalan No. 10 Tahun 2019: Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah adalah dibatalkan.

Arahlan Amalan ini berkuat kuasa dengan serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

Lampiran

**GARIS PANDUAN
PAKAIAN KETUA PENDAKWA SYARIE DAN PENDAKWA SYARIE DALAM
MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH, MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DAN
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH**

Lelaki: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) bersongkok hitam khas dan berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.


Perempuan: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) dan berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/ bercorak hitam putih atau blaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/ kelabu gelap tidak bercorak serta berkasut hitam bertutup.

Semasa mengendalikan prosiding di Mahkamah Syariah, Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie dilarang memakai jubah peguam sivil, jubah peguam syarie atau apa-apa jubah selain jubah khas seperti contoh berikut:

Jubah Khas Ketua Pendakwa Syarie



Jubah Khas Pendakwa Syarie



Songkok Khas Ketua Pendakwa Syarie/ Pendakwa Syarie

